

Manlajia Guo Yiyu

Kamus Melayu yang pertama disusun orang Cina
dan kesannya dalam perkamusan Melayu

Yang Quee Yee

1. Prakata

1.1. Masalah perkamusan Melayu memang tidak asing bagi masyarakat Cina. Akan tetapi kerja perkamusan bahasa Cina jauh berbeza dengan kerja perkamusan bahasa Melayu. Lebih-lebih kerja untuk menyelaraskan kedua-dua bentuk tulisan bahasa itu dalam sebuah kamus dwibahasa. Kerana baik gaya tulisan ataupun fonetik, kaligrafi bahasa Cina yang tradisi ditulis menurut strok-strok dalam jaluran dari atas ke bawah sukar benar hendak diselaraskan dengan bahasa Melayu yang ditulis dengan ejaan dari kanan ke kiri buat tulisan Jawi atau dari kiri ke kanan buat tulisan Rumi.

Kecuali membuat kajian yang teliti, orang tentu sukar memahami bahawa pada ketika bahasa Cina masih tinggal di zaman tulisan tangan melalui kaligrafi yang ditulis satu strok demi satu strok, dan semasa orang Cina belum biasa menulis bahasa Melayu menurut ejaannya pada abad yang ke-15, macam mana mereka sanggup menjalinkan kedua-dua bahasa ini melalui saluran karya perkamusan. Apa yang lebih menakjubkan adalah sebelum umat manusia di luar dunia Melayu memberi perhatian dan nilai yang sewajar ke atas bahasa Melayu, rakyat Cina telah menunjukkan kenikmatan yang cukup ghairah terhadap bahasa Melayu dengan menyelenggarakan kursus bahasa ini di negerinya untuk melatih atau memupuk pegawai-pegawainya,

supaya menguasai bahasa Melayu di sebuah institusi yang digelar Si Yi Guan pada dinasti yang diterajui oleh maharaja Ming Cheng Zhu (1403-1424). Di samping itu, demi mengatasi masalah bahan-bahan yang boleh digunakan sebagai alat pengajaran, sebuah kamus bahasa Cina-Melayu yang dikenali sebagai *Manlajia Guo Yiyu* atau *Senarai Istilah Negeri Melaka* dalam bentuk yang kuno dan sederhana pun berjaya diselenggarakan di bawah kelolaan institusi seperti yang tersebut di atas.

Perkara yang lebih menarik ialah kamus bahasa Cina-Melayu itu disusun dalam bentuk yang luar biasa. Di antara 482 buah lema yang terkandung dalam kamus itu, tidak terdapat sepetah pun abjad Melayu digunakan, seluruh ketakrifan atau transkripsi bahasa Melayu ditulis dengan kaligrafi Cina dan dieja mengikut fonetik bahasa Cina atau Mandarin.

1.2. Selama ini, pembentang pernah berusaha menyingkap kewujudan *Manlajia Guo Yiyu* dalam beberapa buah tulisan atau okasi. Namun penyingkapan itu hanya berupa sambil-sambilan saja, sehingga pembentang sendiri pun merasa tidak puas hati. Maka bersempena dengan seminar ini, saya berusaha lebih lanjut dari segala aspek dan mencapai sumber bahan-bahannya yang lebih cukup untuk menyoroti secara mendalam tentang kamus istimewa yang dikelolakan pada 600 tahun dahulu itu dari segi proses pengusahaannya yang saksama, supaya hasil yang cemerlang dan bernilai tinggi dalam perkamusan Melayu itu tidak disalah anggap lagi sebagai benda yang misteri dalam mata sebahagian sarjana.

1.3. Semenjak abad yang ke-15, selain *Manlajia Guo Yiyu*, jumlah terbitan kamus Melayu yang diselenggarakan atau disusun oleh masyarakat Cina melebihi 100 buah. Antaranya ada yang disusun dalam bentuk ekabahasa, dwibahasa ataupun nekabahasa. Namun di antara hasil-hasil susunan yang tercapai itu, bentuk yang paling menarik barangkali terkira kategori dwibahasa, iaitu bahasa Cina-Melayu sama seperti bentuk susunan yang diperlihatkan

dalam *Manlajia Guo Yiyu* dan beberapa buah lagi terbitan tempatan dalam bentuk yang serupa yang pernah saya perkenalkan dalam sebuah rencana yang berjudul *Perkamusan Melayu Susunan Masyarakat Cina Di Malaysia*.¹ Namun semenjak wujudnya kamus kategori yang luar biasa itu, dalam satu jangka masa yang panjang, nampaknya terbitan itu belum menarik perhatian atau minat yang sewajar baik dari kalangan rakyat ataupun di bidang akademik. Berkat sampai tahun 1930-an, di bawah usaha dua orang sarjana Inggeris, E.D. Edwards dan C.O. Blagden, khazanah kepustakaan yang sehebat itu baru ditinjau kembali dari segi akademik, sehingga hasil kebahasaan yang bersejarah itu pun sempat diperkenalkan ke atas arena perkamusan Melayu secara rasmi.

2. Pandangan Sarjana-sarjana

2.1. Sebagai perbincangan lebih lanjut, bahawa hasil kajian kedua-dua sarjana Inggeris itu terdapat dalam sebuah rencana yang berjudul *A Chinese Vocabulary of Malacca Malay Words and Phrases Collected between A.D. 1403 and 1511(?)* yang disiarkan dalam *Bulletin of the School of Oriental Studies*. Selepas itu, isi tulisan mereka itu sering dijadikan contoh bahan utama buat kajian yang seumpama.

Walaupun demikian, jika dikaji lebih lanjut, maka boleh didapati bahawa kajian kedua-dua sarjana itu sebetulnya hanya terlingkar pada lingkungan senarai yang sedia terkandung dalam salah satu komponen koleksi mubaligh Morrison (1782-1843) yang dikenali sebagai *Ko Kwo Yi Yu*² atau *Senarai Perkataan-perkataan Pelbagai Negeri*.

Huraian kedua-dua sarjana yang paling berhasil ialah dengan menerusi perbandingan di antara sejumlah 842 buah kosa kata dan ungkapan yang dikelasifikasikan dalam 17 kategori itu, dua ciri yang menonjol telah didapati,

¹ Sila rujuk kepada *Sari* 18 (2000), 151-175, jurnal keluaran UKM.

² Ejaan yang baku ialah *Ge Guo Yiyu*. Kamus ini mengandungi 10 jenis bahasa asing, termasuk bahasa Melayu.

iaitu yang pertama, kamus itu berkaitan dengan kerajaan Melaka, kerana didapati sebahagian makna kosa kata seperti sultan, hai sultan, anak raja dan sebagainya yang terkandung di bahagian VIII, IX dan XIV itu jelas membayangkan perkara yang berkaitan dengan kerajaan Melaka; dua, daripada seluruh kosa kata yang terkumpul itu, tidak termaktub sepatah pun kata pinjaman yang berasal dari bahasa Eropah. Dengan kata lain, tanpa kata-kata pinjaman dari sumber itu, boleh dipastikan bahawa senarai kosa kata itu seharusnya disusun dalam jangka masa sebelum orang Eropah (Portugis) menjejaki tanah Melaka pada tahun 1511. Kalau tidak, kesan resapan kata-kata asing tentu tidak boleh dielakkan dari akibat pertembungan seperti gejala yang diperlihatkan bahasa-bahasa umum.

Oleh itu, mereka pun menarik kesimpulan bahawa senarai kosa kata itu ada kemungkinan besar dihasilkan di antara tahun 1403-1511(?), lalu membuat kepastian bahawa senarai kosa kata itu merupakan sebuah kamus Melayu yang tertua dalam perkamusan Melayu, sedangkan sebuah lagi kamus Itali-Melayu yang dikelolakan oleh Pigaffeta pada 1521 itu terletak di tempat yang kedua seperti berikut:

It appears to be practically, therefore, that the vocabulary was compiled from lists of words collected within the period indicated above, and that is the oldest Malay vocabulary known to us, the next oldest being the one made by Pigafetta in 1521.

Inilah cara kajian akademik yang objektif yang biasa diambil oleh ahli-ahli sejarawan dan budayawan untuk menelusuri kembali sesuatu tarikh jejak peristiwa yang tertinggal atau terlalai dicatat oleh penciptanya.

Kelemahan kajian kedua-dua sarjana itu, barangkali terlihat pada huraian mereka itu tidak diperkaitkan dengan unsur latar belakang kemasyarakatan yang menjadi daya gerak utama dalam karya perkamusan yang dilaksanakan oleh kerajaan Dinasti Ming dari sejarah China Kuno, apatah lagi bahan yang diambil sebagai dasar kajian mereka itu bukanlah bahan yang asli atau peristiwa-peristiwa yang bersangkutan-paut langsung dengan pihak

penyelenggara perkamusan pada masa itu, melainkan hanya didasarkan pada sumber sekunder, iaitu bahan semakan yang telah disunting dan disaring oleh seorang *Tong Shi* atau jurubahasa, Yang Lin namanya, pada kira-kira 40 tahun kemudian. Sehingga citra kegemilangan kamus Melayu yang tertua itu pun menimbulkan kesangsian oleh sarjana yang tertentu, lalu disalah tanggap bahawa sebuah catatan kosa kata bahasa Melayu lain yang disusun oleh Antonio Pigafetta dan yang diterbitkan pada tahun 1521 lebih berumur daripada *Manlajia Guo Yiyu* yang telah dibuktikan terwujud dalam jangka masa 1403-1511.

Antonio Pigafetta seorang pelayar Itali yang pernah belayar bersama-sama dengan ahli pelayaran Sepanyol Magellen sampai ke kepulauan Nusantara. Kosa kata yang dikumpulkan itu terkandung dalam sebuah buku cacatan pelayarannya.³

Perlu ditunjukkan, bahawa selama ini, kajian tentang citra kedudukan *Manlajia Guo Yiyu* di bidang perkamusan Melayu bukan julung-julung kali diperlakukan. Walaupun hasil kajian yang tercapai itu tidak boleh dikatakan banyak, namun hujah-hujah yang dikemukakan atau sumber bahan-bahan yang digunakan sebagai rujukan cukup jelas untuk memastikan jangka masa kedudukan sejarah *Manlajia Guo Yiyu*.

Kekurangannya ialah tulisan-tulisan dan bahan-bahan yang berkaitan itu di samping hasil kajian Edward dan Blagden ditulis dalam bahasa Inggeris, yang lain hampir semuanya dicatat dalam bahasa Cina. Kesan ini barangkali menyukarkan kerja kajian sebahagian sarjana Barat yang tidak memahami bahasa Cina.

Seterusnya biar kita merujuk kepada hasil kajian tentang perkara serupa yang diusahakan oleh dua orang sarjana Timur yang berlatar belakang ilmu bahasa Cina. ~~dari negeri China, Prof. Liang Lijr,~~

2.2. Prof. Xu Yunqiao (mendiang), terkenal sebagai ahli sejarah dan

³ Hashim bin Musa, *Sejarah Awal Perumitan Bahasa Melayu: analisis sistem tulisan senarai kosa kata Pigafetta dan C. De Houtman*, m.s. 1, Akademi Pengajian Melayu, U.M.

kebudayaan Nanyang (Asia Tenggara), mantan profesor di Universiti Nanyang.

Hasil kajian beliau yang berkaitan dengan kehadiran *Manlajia Guo Yiyu* mula-mula sekali terdapat pada tahun 1940-an. Sebagai kerja asas atau pendahuluan terhadap kamus yang berkenaan, Prof. Xu pernah menterjemahkan artikel E.D. Edwards dan C.O. Blagden ke dalam bahasa Cina dengan sepenuhnya, hasil terjemahan itu lalu disiarkan dalam *Journal of the South Seas Society*⁴, keluaran bulan Mac 1941. Selepas itu beliau membuat penyelidikan lebih lanjut tentang sebuah kamus dwibahasa yang berjudul *Hua Yi Yiyu*.

Melalui kajian Prof. Xu, dibuktikan kamus yang diselenggarakan lebih awal itu menjadi langkah perintis bagi perkamusan *Manlajia Guo Yiyu*. Hasil huraian yang dibuatnya itu juga disiarkan dalam majalah yang sama dalam keluaran bulan Disember 1954 dengan tajuk *Pemeriksaan Versi-versi Hua Yi Yiyu*. Antara isi huraiannya, masalah hubungan *Hua Yi Yiyu* dan *Manlajia Guo Yiyu* telah disoroti secara terperinci, termasuk perkara orang yang mula-mula sekali yang ditugaskan oleh kerajaan feudal China pada Dinasti Ming (1368-1644) untuk menangani karya perkamusan di Hanlin Yuan atau Lembaga Kesarjanaan. Lalu bagaimana diluaskan menjadi Si Yi Guan, sebuah institusi yang didirikan pada kemudiannya yang dikhaskan untuk menangani masalah-masalah bahasa dan perkamusan yang meliputi kumpulan senarai kosa kata pelbagai bahasa asing yang dikenali sebagai *Ge Guo Yiyu*, serta *Manlajia Guo Yiyu* yang dijadikan salah satu komponen dalam isi kandungannya pun dihuraikan dengan panjang lebar dan terperinci.

3.3. Manakala kenyataan mengenai latar belakang perkembangan institusi Si Yi Guan dan hubungannya dengan sejarah kuno negeri China, tulisan Prof. Liang Liji, mantan pengarah Institut Pengajian Kebudayaan Indonesia-Melayu

⁴ Nama bahasa Cina: Nanyang Xuebao, sebuah majalah akademik yang bersejarah dan diterbitkan South Seas Society di Singapura semenjak 1940.

di Universiti Peking dari negeri China nampaknya mengambil sikap kajian lebih bersungguh-sungguh dan cermat.

Perkenalan Prof. Liang yang dirakamkan dalam bahasa Melayu terdapat di sebuah buku tulisannya yang berjudul *Lembaran Sejarah Gemilang, Hubungan Empayar Melaka-Dinasti Ming Abad ke-15*.⁵

Prof. Liang berusaha mencari fakta-fakta yang lebih luas dengan merujuk langsung kepada bahan-bahan kuno seperti *Sejarah Ming, Catatan Hakikat Kerajaan Ming, Catatan Segala Hal Ehwai Kerajaan, Pemeriksaan Si Yi Guan, Peraturan Tambahan Si Yi Guan*, selain itu sebahagian besar kitab-kitab sejarah China yang merakamkan peristiwa-peristiwa di negara-negara Asia Tenggara dan hubungan diplomatik China-Melaka pun dijadikan bahan rujukan penting beliau. Lepas itu Prof. Liang membuat perkenalannya yang bertajuk *Penubuhan Maktab Bahasa Asing "Si Yi Guan"* (Bab 3, 82-90). Daripadanya perkara institusi Si Yi Guan dan tanggungannya ke atas masalah-masalah bahasa dan kerja-kerja perkamusan pada Dinasti Ming juga diperbincangkan dengan luas dan teliti.

Berdasar pada bahan-bahan rujukan yang kaya-ryaya dan huraian yang terperinci itu, hubungan *Manlajia Guo Yiyu* dan institusi Si Yi Guan pun diperkaitkan dari aspek yang lebih luas oleh Prof. Liang. Lalu membuat kesimpulannya seperti berikut:

Manlajia Guo Yiyu walaupun sangat kecil dan sederhana, namun maknanya tidak boleh dipandang sangat kecil dan sederhana, masih banyak yang perlu diselami dan dibahas sama ada masalah kebahasaannya mahupun masalah persejarahannya, agar kita boleh memberi penilaian yang lebih munasabah tentang makna kehadirannya dan peranan yang dimainkan pada abad kelima belas.

Di samping itu, seluruh kosa kata *Manlajia Guo Yiyu* dan transkripsinya seperti yang dicatat dalam artikel E.D. Edwards dan C.O. Blagden pun

⁵ Diterbitkan sebagai Siri Monograf Alam dan Tamadun Melayu di bawah naungan ATMA, UKM, 1996.

dipindah dan disusun supaya berselaras dengan urutan tulisan Rumi bahasa Melayu moden dalam cetakan. Akhirnya Prof. Liang pun tidak terlalai membuat perbahasan atau kupasan secara terperinci dari segi akademik tentang perkataan-perkataan yang diragukan atau tersilap yang terdapat dalam teks berkenaan.

Selain itu, masih terdapat sebahagian huraian atau tulisan yang disiarkan dalam media-media bahasa Cina, namun kerana terbatas pada masa seminar, tidak sempat diperkenalkan satu demi satu.

3. Pentingnya Pengenalan Tentang Si Yi Guan

Negeri China adalah salah sebuah negara yang kuno dalam sejarah dunia. Sejarah negeri China meliputi beribu-ribu tahun lamanya. Namun sampai Dinasti Ming, perkara kamus dwibahasa baru diberi perhatian. Lagipun menurut sumber-sumber yang termaktub, pada peringkat awal, usahanya hanya diambil berat pada perkara kebahasaan yang lebih mendesak di dalam lingkungan urusan kerajaan semasa, maka di samping bahasa Cina, bahasa Monggolia lebih diutamakan. Itulah sebabnya semasa *Hua Yi Yiyu* yang diselenggarakan oleh Lembaga Kesarjanaan, sebuah badan kerajaan Dinasti Ming sebelum Si Yi Guan didirikan secara rasmi, hanya dua bahasa saja diuruskan.

Walaupun demikian, kamus dwibahasa yang tercapai itu pun tetap dianggap sebagai usaha perintis dalam sejarah perkamusan China.

Mengenai proses perkembangan perkamusan Cina dari dwibahasa ke pelbagai bahasa, boleh kita merujuk kepada sebahagian rakaman yang masih boleh diperolehi dari kitab-kitab bahasa Cina kuno.

Menurut kitab *Catatan Hakikat Kerajaan Ming* (jilid 141), pada bulan 1 tahun 15 Hong Wu (1382T.M.) maharaja Ming Tai Zhu⁶ menitah ketua

⁶ Maharaja Ming yang pertama.

pengarah Lembaga Kesarjanaan Huo Yuan Jie bersama penyunting-penyuntingnya Ma Sha, Yi He dan lain-lainnya berusaha menyusun *Hua Yi Yiyu* untuk memenuhi keperluan pengajaran dan pembelajaran pegawai-pegawai kerajaan, supaya sanggup berkomunikasi dengan suku bangsa Mongolia yang baru ditakluki. 7 tahun kemudian, pada tahun 22 Hong Wu (1389), selesailah kerjanya, namun isi takrifnya hanya ada satu, iaitu bahasa Mongolia.

Lantas sampai tahun 1403, semasa maharaja Ming Cheng Zhu bertahta, perhubungan negeri China dengan luar mulai berkembang. Kononnya masa itu ramai raja-raja dan utusan-utusan negeri asing datang melawat ke negeri China, antaranya ada yang datang dengan membawa rombongan yang besar sekali. Maka sebagai tindakan interaksi, kerajaan China pun mengirim utusan-utusannya melawat kembali ke negara-negara yang bersangkutan-paut. Seiring dengan kekerapan dan rapatnya hubungan diplomatik dengan negara-negara asing pada Dinasti Ming itu, kerajaan China makin menyedari pentingnya ilmu bahasa-bahasa asing dalam urusan kerajaan.

Maka pada tahun 5 Yong Le (1407), atas perintah maharaja Ming Cheng Zhu, sebuah institusi yang dikenali sebagai Si Yi Guan pun ditubuhkan secara rasmi di bawah pimpinan Huo Yuan Jie.

Manakala mengenai peranan Si Yi Guan, selain bertanggungjawab menganjurkan kursus-kursus untuk melatih ilmu bahasa asing kepada pegawai-pegawai dan diplomat-diplomat kerajaan Ming, penyusunan kamus bahasa asing juga menjadi salah satu tugas utama. Sampai sini lingkungan bahasa yang ditangani pun diperluas menjadi pelbagai bahasa, kononnya sebanyak 10 jenis telah dirangkumi, antaranya termasuk bahasa Melayu yang dinamakan *Manlajia Guo Yiyu*.

Mengenai motif penubuhan Si Yi Guan, demikianlah dinyatakan dalam peraturan tambahan seperti yang dicatat dalam dokumentasi *Si Yi Guan Zhen Ding Guan Zhe*:

Negara telah mempersatukan seluruh jagat, berhambuslah segala

kemaksiatan dari dalam dan luar empat samudera. Sejauh yang terjangkau oleh kewibawaan dan kemasyhuran kaisar tiadalah yang tidak tertakluk lagi. Akan peri negeri-negeri asing itu berbeza-beza dan bahasa serta tulisannya pun ganjil-ganjil. Maka kalau tiada orang yang mengenali dan memahami, mustahil kita dapat menghebahkan kebesaran kerajaan dan menyiasat keikhlasan negeri yang jauh. Oleh sebab itulah maka Si Yi Guan ditubuhkan. (Liang Liji, 84)

Itulah yang dikatakan pentingnya segala kajian tentang *Manlajia Guo Yiyu* pada kemudiannya tidak patut terlalai menelusuri perkaranya lebih luas sampai ke jejak perkembangan Si Yi Guan dan perkara-perkara sejarah Dinasti Ming yang bersangkutan-paut. Lebih-lebih semasa hendak membuat pemeriksaan untuk memastikan jangka masa kewujudannya.

4. Sumber-sumber Rujukan Lain

4.1. Jika menurut huraian Xu Yunqiao, semasa *Hua Yi Yiyu* tersusun pada tahun 1389, di samping bahasa Cina, hanya terdapat bahasa Monggolia. Sampai masa tertubuhnya Si Yi Guan, baru diperkembangkan ke lingkungan pelbagai bahasa. Kononnya mula-mula ada 8 jenis bahasa, kemudian ditambah lagi beberapa jenis, hingga menjadi sebanyak 10, lalu 13. Maka untuk menyelaraskan sebutannya supaya lebih bersepadan dengan kandungan yang sebenar, lalu judul *Hua Yi Yiyu* yang lama itu pun diubah menjadi *Ge Guo Yiyu*. Maknanya hanya *Ge Guo Yiyu* mengandungi pelbagai bahasa.

Akan tetapi menurut sebuah versi *Hua Yi Yiyu* (barangkali versi ulang cetak) yang ditebitkan di Taiwan, kandungannya bukan hanya meliputi bahasa Cina-Monggolia, melainkan sebanyak 13 jenis bahasa asing telah diambil, termasuk juga bahagian bahasa Melayu yang dinamakan sebagai *Senarai Istilah Negeri Manlajia*, bezanya ialah takrif dan transkripsi buat bahasa-bahasa asing, termasuk *Manlajia Guo Yiyu*, semuanya ditulis menurut

kaligrafi Cina, tetapi dieja dalam bunyi bahasa Monggolia, sedang *Manlajia Guo Yiyu* yang diperlihatkan dalam *Ge Guo Yiyu* seperti yang tersebut di atas menggunakan fonetik bahasa Cina atau Mandarin.

Soalnya sekarang ialah pertama, jika kandungan yang diperlihatkan dalam versi Taiwan itu benda betul, maka tarikh kewujudan *Manlajia Guo Yiyu* sebetulnya harus ditelusuri ke suatu tarikh yang lebih lama, kerana *Hua Yi Yiyu* tersusun pada tahun 1385 sebagaimana yang diperkenalkan tadi. Dua, nama penyelenggara dan penyusun yang dicatat dalam *Hua Yi Yiyu* terbitan Taiwan tadi berlainan sedikit, iaitu penyelenggaranya bernama Di Bo He, sedangkan jawatan Huo Yuan Jie tidak secocok dengan apa yang direkod dalam *Catatan Hakikat Kerajaan Ming* tadi. Di versi belakang ini, Huo Yuan Jie dicatat berperanan sebagai penterjemah sahaja, bukan ketua pengarah. Soal ini ditinggalkan untuk dikaji dan diperiksa lebih lanjut.

4.2. Sehubung dengan ini, pembentang ingin menggambarkan satu perkara aneh yang pernah berlaku dalam usaha pencarian pembentang tentang *Manlajia Guo Yiyu*. Selama ini, untuk mencapai sumber berkemungkinan, pelbagai tempat telah saya usahakan, termasuk di negeri China seperti di Beijing, Nanjing dan beberapa tempat yang lain. Antaranya saya pernah mencari sampai ke Perpustakaan Besar Beijing, Perpustakaan Ibukota di Beijing dan Perpustakaan (Universiti) ^{Beijing}, setiap kali pulang dengan hati yang kesal. ~~Namun~~ Hanya pada suatu kali, di ^{suatu jabatan} ~~tempat~~, khusus koleksi bahan-bahan pustaka kuno di Universiti Beijing juga, tepat menemui *Ko Guo Yiyu* yang terdiri daripada beberapa buah kotak (bilangan yang tepat tidak saya ingat lagi) dengan indah buatannya. Lebih terperangsang ialah antaranya terkandung sebuah kotak, jelas dicatat *Manlajia Guo Yiyu* di atasnya. Tapi sungguh kecewa, ketika diangkat, kotak itu terasa ringan, tidak berisi! Apabila diusut dan ditanya, pegawai ^{penyelenggara} ~~pembeli~~ koleksi di ^{jabatan} ~~bagian~~ itu pun menunjukkan bingung dan kelu. Sedangkan kota-kota^k yang lain semuanya berisi penuh dengan tulisan kaligrafi Cina yang rapi dan cantik. Isi klasifikasi

Kosa-kata bahasa Cina

bagi ~~bahan-bahan~~ yang dikoleksi dalam setiap kotak itu setimpal dengan klasifikasi *Manlajia Guo Yiyu* yang boleh kita nampak dari bahan semakan Yang Lin, atau di artikel E.D. Edwards dan C.O. Blagden, iaitu setiap jenis bahasa diklasifikasikan dalam 17 kategori yang serupa entrinya.

katanya menjadi benda kuno!

Nah, soalnya ialah, siapa yang mengambil isi kandungan itu? Ke mana pula *Manlajia Guo Yiyu* itu pergi? Dan di antara jumlah yang dikoleksi itu, mengapa hanya *Manlajia Guo Yiyu* menjadi benda yang lebih tertarik? Aneh! Betul-betul aneh! Soal lain ialah, apakah koleksi *Ge Guo Yiyu* yang tersimpan di ~~link~~ ^{Jepun} itu bahan original? Jika jawapannya positif, maka sumber rujukan itu

sungguh bernilai untuk kajian selanjutnya. *Tan bahan pula, dpt edisi pindaan yang Lin boleh dipastikan, bahawa sebelum ia tentu terwujud sebuah senarai yang lebih lama, jika tidak, bagaimana boleh yang Lin menanganai kerja pindaannya.*

5. Kesannya Dalam Perkamusan Melayu

5.1. Secara lahir, *Manlajia Guo Yiyu* nampaknya tidak memberi kesan besar dalam lingkungan perkamusan Melayu. Jika bukan didasarkan pada syarat-syarat sejarah yang istimewa dan latar belakang perhubungan kedua buah negara yang akrab, sebuah kamus tidak tampak sepele pun huruf Melayu dalam isi susunannya dan boleh dianggap sebagai kamus Melayu, dalam perkamusan Melayu, nescaya tidak dapat diraih contoh yang kedua.

5.2. *Manlajia Guo Yiyu* sebenarnya lebih berkesan di bidang diplomatik China-Melayu. Maklumlah, kamus itu khususnya disusun untuk orang Cina di negeri China. Ia pernah memainkan peranan penting di antara orang-orang Cina untuk menguasai bahasa Melayu supaya sanggup berkomunikasi dengan rakyat di dunia sebelah sini. Lebih-lebih sejak tahun 1405, semasa laksamana Cheng Ho dan rombongannya berkali-kali melawat ke Melaka, jika mereka tidak menguasai bahasa Melayu, bagaimana mereka boleh bergaulan dengan rakyat setempat dan menyampaikan harsat lawatan mereka ialah untuk mengikat persahabatan dengan kerajaan Melaka?

Sebagai buktinya, dalam perkara lawatan-lawatan itu, mereka pernah

meninggalkan beberapa buah catatan pelayaran yang dianggap sebagai dokumen yang bernilai sekarang, dalam isi catatan itu, tidak terdapat aduan kerumitan masalah bahasa Melayu yang dihadapi mereka. Myatalah mereka pasti telah melengkapkan diri dengan ilmu bahasa sebelum datang. Apalagi kursus bahasa Melayu yang dianjurkan di Si Yi Guan di sekitar tahun 1407 dikatakan untuk melatih pegawai-pegawai kerajaan Dinasti Ming, ahli-ahli rombongan Cheng He tidak mungkin tidak terlibat. Lagipun dalam perkara ini, *Manlajia Guo Yiyu* tentu memainkan peranan yang berkesan.

5.3. Di samping itu, dalam perkamusan Melayu yang dibuat oleh masyarakat Cina tempatan, di antara tahun 1870-an dan 1920-an, masyarakat Cina pernah mengelolakan sejumlah kamus Cina-Melayu yang bersejenis dengan *Manlajia Guo Yiyu*. Antaranya terdapat Malai Hua/Perkataan Melayu (1894), Tong Yi Yiyu/Istilah Melayu Baru, Hua Yi Tongyu/Istilah Cina-Melayu dsb. Walaupun fonetik yang diambil untuk mengeja bahasa Melayu termasuk dialek-dialek Fujian (Hokkien), Guangdong (Kongfu), Ke (Kek) dan Hainan (Hailam), tapi klasifikasi enterinya hampir serupa dengan *Manlajia Guo Yiyu*, cuma ada yang ditokok tambah di sana sini.

Semasa masyarakat Cina tempatan masih menguasai ilmu fonetik dan ejaan bahasa-bahasa moden, perkamusan ini pernah memainkan peranan yang penting bagi mereka.

6. Kesimpulan

6.1. Walau bagaimanapun, daripada huraian-huraian sarjana dan kenyataan-kenyataan yang diperlihatkan di atas, cukuplah untuk dinyatakan bahawa sebelum edisi semakan yang dibuat oleh *Tong Shi Yang Lin* pada tahun 28 maharaja Jia Qing pada Dinasti Ming, iaitu sama dengan 1549 T.M. seperti yang dicatat di hujung terbitan yang berkenaannya, sejarah *Manlajia Guo Yiyu* sebetulnya telah wujud.

6.2. Baik dari terbitan-tebitan, atau sumber sejarah, bahan-bahan untuk mengesani kewujudan *Manlajia Guo Yiyu* masih banyak lagi, bukan hanya bahan semakan Yang Lin yang dipetik dalam artikel E.D. Edwards dan C.O. Blagden.

6.3. Perkamusan *Manlajia Guo Yiyu* diproses melalui satu usaha yang berancang yang dikelolakan Si Yi Guan, kosa-kata yang dikumpulkan itu bukan semuda diambil dari pelaut atau peniaga seperti yang disangka oleh sarjana yang tertentu.

6.3. Dengan pandangan yang makro, *Manlajia Guo Yiyu* sebenarnya meninggalkan kesan yang baik dalam perkamusan Melayu. Lebih-lebih kesan di bidang perkamusan Cina-Melayu.

6.4. Citra kedudukan *Manlajia Guo Yiyu* sebagai kamus Melayu yang pertama tidak patut disangsikan lagi.